

# Rangka kerja global atasi perubahan iklim

BH- 12/6/2007

## Abdullah saran masyarakat dunia bertindak elak pencemaran

Oleh Azman Zakaria dan Zainab Mohd Yatim

**K**UALA LUMPUR: Satu rangka kerja global perlu diwujudkan bagi menggalak penggunaan dan pengurusan sumber tenaga secara lebih cekap sekali gus membantu menangani risiko perubahan iklim, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, rangka kerja itu perlu dibuat secara menyeluruh dengan mencakupi usaha memperluas dan menyegerakan penggunaan kaedah yang dapat mengurangkan pencemaran serta menggalak teknologi baru.

Katanya, semua pihak kini juga perlu mengambil tindakan segera untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai kesan dan akibat perubahan iklim dunia serta memanfaatkan pengetahuan sedia ada berhubung penggunaan sumber tenaga.

"Kita perlu memberi lebih tumpuan kepada usaha memberikan insentif untuk menggalakkan pelaburan dan pematuhan dalam membendung had pelepasan karbon, berbanding mengenakan denda.

"Industri tenaga mempunyai tang-

gungjawab memberi sumbangan dalam merumus dasar serta mengambil langkah tegas untuk mengurangkan pelepasan. Peneraju industri tidak boleh memindahkan atau mengabaikan tanggungjawab ini.

"Saya percaya apabila peserta industri melaksanakan tanggungjawab sosial korporat yang sewajarnya dalam menangani isu perubahan iklim, kemajuan boleh dicapai," katanya berucap merasmikan Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia ke-12

di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini semalam.

Abdullah berkata, tema persidangan 'Masa Depan Yang Dikongsi Bersama' dalam industri yang semakin kompleks itu membawa maksud semua pemegang kepentingan mesti merangka pendekatan dan penyelesaian menyeluruh melalui usaha bersepadu dengan mengambil kira keimbangan dan keperluan.

Katanya, setiap negara mesti memastikan penggunaan tenaga secara cekap dengan menjimatkan bahan bakar daripada kenderaan ringan serta mengurangkan pelepasan daripada penjana kuasa yang menggunakan arang batu.

"Pelepasan karbon dioksida di seluruh dunia daripada stesen jana kuasa ketika ini adalah empat kali ganda lebih banyak daripada yang dikeluarkan kenderaan ringan," katanya.

Perdana Menteri berkata, isu perubahan iklim yang semakin mendapat perhatian masyarakat dan membawa kesan besar kepada cara hidup, sebenarnya adalah sesuatu yang merentasi sempadan, memberi kesan kepada industri, kerajaan serta pengguna di seluruh pelosok dunia.

"Wujud prejudis dan ilusi dalam isu ini serta ketidaktentuan yang ketara tetapi kita tahu bahawa kandungan karbon dioksida dalam atmosfera sudah meningkat ke tahap paling tinggi sejak lebih 400,000 tahun.

"Suhu global juga meningkat. Laporan saintis menyatakan suhu dunia kini semakin panas berbanding lebih satu milenium lampau dengan tiga tahun paling panas dicatat selepas 1998," katanya.

Abdullah juga berkata, teknologi dan inovasi dijangka memainkan peranan kritikal dalam mencari sumber tenaga terutama dalam persekitaran sukar, dengan penambahbaikan teknologi membantu mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Katanya, pelaburan dalam teknologi dan inovasi tidak semestinya hanya dilakukan syarikat minyak dan gas negara kuasa besar tetapi juga syarikat minyak nasional lain termasuk dari Asia.

"Adalah menjadi harapan saya syarikat tenaga Asia akhirnya akan muncul sebagai peneraju dalam pembangunan dan aplikasi teknologi baru industri ini," katanya.

### FAKTA NOMBOR

Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia ke-12

1,255

Peserta

50

Negara